

MT terus beri penjelasan jawab kritikan Dr. Mahathir

Oleh FAUZI JAAFAR dan
SADATUL MAHIRAN

KUALA LUMPUR 14 Jun - Majlis Tertinggi (MT) UMNO mengambil ketetapan akan terus memberi penjelasan bagi menjawab semua kritikan yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Presiden UMNO berkata, MT mahu penjelasan itu dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam kerajaan, sekiranya diminta oleh Dr. Mahathir.

"Kita akan beri penjelasan hanya atas perkara-perkara yang ditimbulkan," katanya kepada pemberita selepas mengengerusikan mesyuarat MT UMNO di Ibu Pejabat UMNO, di sini hari ini.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat setelah MT UMNO membincangkan beberapa perkara, yang ada hubung kait dengan isu-isu dibangkitkan oleh Dr. Mahathir sebelum ini.

"Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa lagi, sekiranya ada pihak masih tidak berpuas hati selepas kita (kerajaan) memberi penjelasan," ujarnya.

Abdullah juga menjelaskan MT tidak membincangkan tentang kedudukan Dr. Mahathir sebagai Penasihat Proton.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa diminta oleh Abdullah menjelaskan lebih lanjut mengenai keputusan MT itu berkata, kritikan dibangkitkan oleh Dr. Mahathir perlu diberi penjelasan praktikal, secara baik serta dengan cara bersopan.

Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, tanggungjawab memberi penjelasan itu diserahkan kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang memegang jawatan dalam kerajaan.

Sebelum itu, Abdullah berkata, MT sepakat supaya semua projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

"Pemimpin MT dalam kerajaan di peringkat negeri mahupun pusat, perlu menjalan-

Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa lagi, sekiranya ada pihak masih tidak berpuas hati selepas kita (kerajaan) memberi penjelasan

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI**
Perdana
Menteri

kan peranan masing-masing bersungguh-sungguh bagi menjayakan RMK-9 demi kepentingan rakyat.

"Rakyat telah memberi mandat kepada kerajaan dan mereka (pemimpin UMNO) perlu melaksanakan amanah itu supaya rakyat tidak kecewa," katanya.

Perdana Menteri mengulangi jaminannya bahawa kerajaan mempunyai peruntukan kewangan mencukupi untuk melaksanakan semua projek RMK-9.

Katanya, MT juga telah mengarahkan semua Badan Perhubungan UMNO negeri memastikan mesyuarat cawangan dan bahagian berjalan dengan baik.

Mesyuarat peringkat cawangan dijadualkan bermula 1 Jun hingga 16 Julai, manakala persidangan bahagian dari 3

Ogos hingga 10 September.

Mengenai pemilihan UMNO tahun depan, Abdullah menjelaskan bahawa perkara itu tidak dibincangkan oleh mesyuarat MT hari ini.

Menurutnya, MT juga mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Badan Perhubungan UMNO Johor kerana menjadi tuan rumah sambutan UMNO ke-60 pada 11 Mei lalu.

"MT juga mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional (BN) Sarawak atas kemenangan mereka pada pilihan raya negeri itu pada 20 Mei lepas.

"MT turut mengucapkan terima kasih kepada, parti-parti komponen BN termasuk UMNO yang telah membantu BN Sarawak dalam kempen pilihan raya di negeri itu," katanya.